

HARIAN METRO 10 4 16 -



PELAJAR UniSZA yang mengikuti kursus di Makkah dan Madinah.

MUTAWIF CEMERLANG

■ 22 pelajar UniSZA sertai kursus simulasi haji, umrah di Tanah Suci

Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

Seramai 22 pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dibawa ke Arab Saudi bagi mengikuti kursus amali simulasi haji dan umrah di Makkah serta Madinah selama dua minggu bermula 23 Februari sehingga 5 Mac lalu.

Peserta terpilih mengikuti program itu membabitkan penuntut yang mendapat keputusan peperiksaan

cemerlang di bawah Program Kerjaya Sebagai Mutawif Profesional.

Ketua Unit Kaunseling UniSZA Rosni Mohammad berkata, program itu bertujuan membantu mahasiswa terutama penuntut jurusan Pengajian Islam mendapatkan pekerjaan dalam bidang pengurusan umrah dan haji selepas tamat pengajian.

“Matlamat program ini juga untuk melahirkan mutawif profesional yang mampu membimbing jemaah umrah melaksanakan ibadat dengan berkesan dengan menggunakan kaedah kuliah dan praktikal menerusi kerjasama Syarikat Juara Travel Sdn Bhd.

“Peserta terpilih diberi latihan kerja seorang mutawif, mengendalikan jemaah dan menguruskan perjalanan umrah jemaah di sana,” katanya.

Menurutnya, 22 penuntut itu akan ditawarkan pekerjaan sebagai mutawif professional bersama Syarikat Juara Travel Sdn Bhd.

“Sebanyak enam fasa dilaksanakan bagi memilih mereka yang layak bermula Disember tahun lalu.

“Kami mengadakan ujian personaliti, temuduga dan juga kursus persediaan asas serta fizikal sebagai mutawif selama sebulan sebelum berangkat ke Arab Saudi,” katanya.